

VISHU

Tahun Baru Masyarakat Malayali

Oleh **UTHAYA SANKAR SB**

SETIAP kali membicarakan perayaan dan hari kebesaran kaum India di Malaysia, contoh yang diberikan hanyalah Deepavali, Thaipusam dan Ponggal. Selain itu, terdapat beberapa perayaan kaum India yang kurang diketahui umum.

Penduduk keturunan Punjabi menyambut *Vaisaki*, keturunan Tamil menyambut *Chitirai*, manakala keturunan Telegu menyambut *Ugadi*. Bagi masyarakat keturunan Malayali atau Malayalam, sambutan tahun baru dikenali sebagai *Vishu*. Walaupun *Vishu* asalnya dirayakan oleh penduduk keturunan Malayali di Kerala, India, kini *Vishu* diraikan oleh masyarakat Malayali di seluruh dunia.

Tahun baru *Vishu* bukanlah suatu perayaan besar-besaran, sebaliknya merupakan perayaan unik yang diraikan bersama-sama keluarga dan sahabat-handai. Ketibaan *Vishu* diraikan secara penuh tradisi oleh penduduk Malayali di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Vishu bukan sambutan berkaitan agama Hindu. Maka sebab itulah di Kerala, *Vishu* turut disambut oleh seluruh penduduk Malayali tanpa mengira agama.

Bagi
masyarakat
keturunan
Malayali atau
Malayalam,
sambutan
tahun baru
dikenali
sebagai *Vishu*.

Tahun baru dalam kalender Malayali bermula pada hari pertama bulan *Medan* yang biasanya jatuh pada bulan Mac atau April. Pada tahun 2004, *Vishu* disambut pada 14 April.

Sebagaimana majoriti penduduk kaum India, masyarakat Malayali juga mementingkan amalan melihat objek suci sebagai objek pertama pada subuh hari perayaan. Amalan ini berdasarkan kepercayaan bahawa sekiranya seorang individu melihat objek suci pada pagi

hari perayaan, maka bahagialah hidupnya dan melimpah ruahlah rezekinya.


Sehari sebelum hari *Vishu*, kaum wanita dalam keluarga Malayali akan menyediakan *Vishukani* yang akan dijadikan objek suci untuk dipandang menjelang subuh keesokannya.

Vishukani dibuat menggunakan sebuah bekas tembaga bulat yang menyerupai talam. Pada dasar talam itu diletakkan beras, lalu ditutup dengan sehelai kain bersih.

Di atas kain itu pula akan diletakkan beberapa barang mengikut kemampuan keluarga terbabit. Barang yang biasanya diletakkan ialah seulas nangka, sebiji mangga, sehelai kain bersulam emas, sayur-sayuran, bunga warna kuning, duit syiling, bekas kecil berisi air serta senashkah kitab suci.

Barangan lain yang turut disusun keemas di dalam talam itu ialah perkakas yang digunakan untuk upacara sembahyang (*asthamangalam*), sirih, pinang dan cermin kecil.

Selain itu, sebiji kelapa dipecah dua lalu dijadikan sepasang lampu. Minyak diisi dan dipasang sumbu padanya. Dua lampu minyak yang dihasilkan daripada buah kelapa ini turut diletakkan di dalam bekas tembaga berkenaan. Maka



Barangan yang disusun kemas dalam talam untuk upacara sembahyang.

siaplah *Vishukani*.

Pada hari sambutan tahun baru *Vishu*, kaum wanita akan bangun lebih awal. Biasanya, wanita paling tua dalam keluarga akan memasang dua lampu yang diperbuat daripada buah kelapa yang dipecah dua. Maka bahagian dalam bekas tembaganya itu akan bersinar dan memancarkan cahaya kekuningan.

Para ahli keluarga akan dikejutkan serta diingatkan supaya tidak membuka mata. Golongan wanita (nenek atau ibu) akan memimpin anak-anak dengan mata terpejam menuju ke sisi *Vishukani*. Apabila anak-anak itu membuka mata, mereka akan melihat *Vishukani* yang diterangi cahaya kuning keemasan sebagai objek pertama pada tahun baru *Vishu*.

Warna kuning biasanya dikaitkan dengan penduduk keturunan Malayali kerana warna berkenaan menjadi pilihan pada setiap perayaan. Cahaya warna kuning pada *Vishukani* disamakan dengan warna emas iaitu lambang kekayaan dan kemakmuran.

Amalan melihat *Vishukani* bukan hanya untuk ahli keluarga. Pengasuh atau

orang gaji yang tinggal bersama-sama keluarga itu tidak dikecualikan. Sekiranya keluarga berkenaan mempunyai haiwan ternakan dan peliharaan, maka haiwan berkenaan juga diberi peluang melihat *Vishukani*!

Selepas setiap anggota keluarga selepas melihat *Vishukani*, bermulalah *Vishukaineetom* iaitu upacara memberi hadiah tahun baru. Biasanya warga tua dalam keluarga berkenaan akan mengeluarkan duit syiling, beras dan bunga kuning dari dalam bekas tembaganya dan memberikannya kepada setiap ahli keluarga. Pakaian baru yang disebut *kodi vastram* juga akan diberikan.

Anggota keluarga turut mendapatkan restu daripada orang tua. Amalan *Vishukaineetom* dipercayai akan membawa kebahagiaan dan kemewahan kepada generasi muda yang menerima hadiah dan restu daripada generasi tua.

Selepas mandi, ahli keluarga akan memakai pakaian tradisional *kodi vastram* yang diterima sebagai *Vishukaineetom*. Selepas itu, mereka akan sembahyang bersama-sama dan meminta restu agar tahun baru membawa kemakmuran.

Ada juga keluarga yang pergi ke kuil Dewa Ayyappan untuk menyertai upacara khas yang diadakan. Di Kerala, India, kuil Guruvayur, Sabarimalai dan Padmanaba Shetram pasti menjadi tumpuan masyarakat Malayali. Di kuil-kuil berkenaan, *Vishukani* turut disediakan untuk dilihat oleh para pengikut yang datang bersembahyang di kuil berkenaan.

Sesudah sembahyang, seisi keluarga akan menikmati *sadya* iaitu jamuan makan tahun baru. Masakan nabati (*vegetarian*) ini hanyalah beberapa juadah yang sederhana tetapi sangat istimewa bagi masyarakat Malayali pada pagi tahun baru *Vishu*.

Sadya terdiri daripada sayur-sayuran dan buah-buahan yang mudah diperoleh pada musim berkenaan. Masakan berasaskan nangka, mangga, labu manis dan kelapa menjadi pilihan utama.

Kunjung-mengunjung turut menjadi amalan pada *Vishu*. Jiran-tetangga yang tidak merayakan *Vishu* biasanya akan dijemput untuk turut menikmati juadah yang disediakan. Kanak-kanak pula akan diberi *Vishukaineetom*.

Namun, memandangkan *Vishu* bukan hari cuti umum di Malaysia, penduduk keturunan Malayali yang bekerja akan bercuti. Amalan kunjung-mengunjung dan jamuan makan biasanya diadakan pada sebelah petang atau malam.

Vishu juga dianggap tarikh yang amat baik untuk memulakan sesuatu usaha. Misalnya, memulakan perniagaan atau pertanian. Amalan ini masih menjadi ikutan bagi penduduk Malayali di Kerala, khususnya di kalangan petani.

Di Malaysia, walaupun penduduk keturunan Malayali merupakan kelompok minoriti, mereka tetap berpegang teguh pada amalan dan tradisi nenek moyong. Mana-mana amalan yang kurang sesuai mula ditinggalkan – atau diubahsuai dan diasimilasikan mengikut acuan setempat.

Namun, perayaan *Vishu* terus menjadi pegangan. Generasi muda keturunan Malayali juga sudah mula menyedari betapa penting menjaga dan memelihara budaya dan amalan tradisi seperti ini. Mereka juga sudah semakin berminat dan berbangga memiliki amalan yang amat istimewa seperti *Vishu*. db